

# Wakil rakyat baru Hulu Selangor tidak boleh mungkir janji

WAKIL rakyat baru kawasan Parlimen Hulu Selangor telah mendapat mandat untuk berkhidmat kepada pengundi-pengundinya. Kepercayaan pengundi yang diberi bukanlah sesuatu yang boleh dipersia-siakan.

Justeru, amat penting bagi Yang Berhormat baru ini tidak memungkir janji untuk berkhidmat kepada pengundi yang memilihnya. Natiyahnya juga, kebijaksanaan memilih pemimpin terbaik adalah penting. Setiap pengundi di Hulu Selangor telah membuat pilihan bijak dalam menentukan calon yang layak menjadi wakil rakyat mereka di kawasan Parlimen Hulu Selangor.

Tiada siapa dapat menafikan, pilihan raya umum atau kecil bukanlah sesuatu yang dijalankan tanpa melibatkan perbelanjaan wang yang besar. Dalam keadaan ekonomi yang kurang memberangsangkan, tentunya setiap sen hanya dibelanjakan untuk yang perlu sahaja.

Ironinya, ada wakil rakyat yang dipilih kurang menyerlah dalam memberi khidmat bakti seperti yang dijanjikan. Mengambil satu contoh sebagai gambaran wakil rakyat yang tidak menunaikan janji, semasa tempoh berkempen, janji-janjinya amat muluk dan manis.

Antara janji yang ditabur adalah menye-

diakan semua kemudahan di kawasannya adalah satu kemestian, misalnya pondok menunggu bas di setiap seksyen perumahan, bekalan air bersih, kawasan persekitaran yang bersih dan kondusif dan menjadikan kawasannya unik dari kawasan lain.

Namun, apa yang berlaku adalah sebaliknya. Kemudahan asas penduduk tidak terjaga. Lampu jalan tidak berfungsi. Kesannya amat membahayakan pengguna sehingga berlaku kemalangan. Rumput tidak dipotong sehingga tinggi melalang. Keadaan persekitaran kotor.

Apa yang lebih menyedihkan ialah pengundi hanya menatap wajah wakil rakyat mereka di poster pilihan raya kerana beliau tidak turun menemui pengundi selepas menang. Pengundi hanya dapat mengenali wakil rakyat melalui kereta besar menajar yang dinaiki. Itupun melalui logo ADUN atau MP yang tertera di kenderaan mereka.

Rakyat rasa dimanipulasi. Tapi apakan daya, diri telah terpesona oleh janji-janji manis pemimpin yang gagal ditunaikan. Namun, langit tidak selalu cerah bagi wakil rakyat yang suka menabur janji. Wakil rakyat jangan memandang rendah kepada kepekaan dan keinginan pengundi mereka kerana tahap

pendidikan pengundi dan keluarga mereka jauh lebih baik berbanding dulu.

Maka, benarlah pesanan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak bahawa zaman pemimpin tahu segala-galanya sudah berlalu. Rakyat boleh menjatuhkan atau menaikkan pemimpin. Lantaran itu, kepercayaan yang diberikan oleh pengundi perlu dipenuhi.

Selain itu, tentu menjemukan rakyat mahaen untuk membaca konflik-konflik politik di dada akhbar sehingga menenggelamkan isu-isu harian yang lebih penting dalam kehidupan seperti bagaimana untuk meneruskan kelangsungan hidup dalam keadaan ekonomi yang semakin mencabar. Begitu juga, menangani cabaran-cabaran hebat semasa seperti gejala sosial, tekanan di tempat kerja dan masalah kewangan.

Memuahkan juga apabila ahli politik sibuk berceramah di setiap pelosok negara, membuat fitnah di sana dan sini. Dek sibuk berceramah, diri terlupa untuk menunaikan tanggungjawab memberi perkhidmatan terbaik kepada pengundinya.

Mencontohi Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang amat mengambil berat terhadap

nasib pengundi di kawasan, mungkin ia dapat menyedarkan beberapa kerat pemimpin yang terlupa bahawa setinggi mana pun pemimpin dijulang, ia bermula dan berakhir dengan perkhidmatan kepada pengundinya.

Mencabar minda dan emosi rakyat juga adalah seperti membaca cerita beberapa kerat pemimpin yang terlibat dengan skandal rasuah dan kahwin cerai, manakala menafikan kecemerlangan ramai pemimpin adalah sesuatu yang tidak adil.

Ramai pemimpin yang memang komited dalam tugas mereka. Kepada pemimpin ini, tentulah rakyat tidak lupa kepada mereka dan menginginkan mereka untuk terus berkhidmat. Tidak rugi jika pemimpin cemerlang dapat berkhidmat kepada rakyat.

Wakil rakyat baru kawasan Parlimen Kawasan Hulu Selangor perlu menyedari bahawa sebahagian besar dirinya adalah untuk berbakti kepada pengundi yang telah memberi mandat kepadanya untuk berkhidmat kepada mereka. Semoga kepercayaan pengundi yang diberi kepadanya tidak akan dipersia-siakan.

**PROF. MADYA DR. SAPORA SIPON**  
Bandar Baru Bangi, Selangor